

Pemuda beri ruang Khairy jawab tuduhan

BH - 10/9/2006

Tanpa penjelasan tohmahan dipercayai walaupun tak benar

Oleh Anwar Hussin

KUALA LUMPUR: Pemuda Umno akan terus memberi ruang kepada Naib Ketuanya, Khairy Jamaluddin, untuk menjelaskan pelbagai tuduhan yang dilemparkan terhadapnya termasuk dalam mesyuarat bahagian Pemuda yang dirasmikan.

Ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata Khairy sebelum ini tiada ruang untuk menjawab segala tuduhan berkenaan dan sebab itu saluran mesti disediakan untuk beliau menjelaskannya.

"Adalah penting bagi Pemuda Umno memberi ruang kepada Khairy

menjawab segala tuduhan itu kerana jika ia berlarutan tanpa penjelasan, maka akhirnya ia dipercayai walaupun tidak benar.

"Seperti yang saya bincangkan dengan Khairy sebelum ini, hanya beliau yang perlu menjawab tuduhan terhadapnya," katanya selepas memberi penghormatan terakhir kepada mendiang Puan Sri Rosaline Yeoh, isteri Pengarah Urusan YTL Corporation Berhad, Tan Sri Francis Yeoh di Bukit Tunku di sini, semalam. Hadir sama Tengku Datin Seri Marsilla Tengku Abdullah.

Sebelum ini, pelbagai tohmahan dilemparkan terhadap Khairy termasuk dikaitkan dengan pelakon Maya

FAKTA NOMBOR

Pemuda Umno

23

Jumlah Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian/Pemuda/Wanita/Puteri dirasmikan Hishammuddin

28

Jumlah Mesyuarat Perwakilan Pemuda dirasmikan Khairy

Karin serta mempunyai pengaruh dalam pentadbiran Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Semua tuduhan itu dinafikan Khairy ketika merasmikan beberapa mesyuarat bahagian Pemuda, baru-baru ini.

Hishammuddin yang juga Menteri Pelajaran, berkata beliau bersetuju dengan tindakan Khairy menemui ahli pergerakan itu bagi menjelaskan semua tuduhan itu.

"Nasihat saya pada Khairy berilah penjelasan terbaiknya dan orang akan mendengarnya tetapi bagi mereka yang tidak mahu mendengar

Kritikan tidak ancam parti: Hishammuddin

DARI MUKA 1

dan memekakkan telinga, ia tidak memberi apa-apa perubahan.

"Saya yakin lama kelamaan orang akan sedar apa yang beliau katakan adalah benar. Sama ada beliau perlu letak jawatan atau tidak, biarlah ahli parti yang akan menentukannya," katanya.

Mengenai hasrat Khairy berundur jika dianggap liabiliti terhadap parti, Hishammuddin berkata, menjadi prinsip parti khususnya Pemuda Umno termasuk beliau sendiri berbuat demikian jika menjadi bebanan kepada parti.

Hishammuddin juga mengakui Abdullah tidak campur tangan dalam pelantikan Khairy sebagai Naib Ketua Pemuda Umno pada pemilihan parti itu pada 2004.

Katanya, beliau sendiri meminta Perdana Menteri tidak mencampuri urusan pemilihan kepimpinan Pemuda termasuk kehendak ahli untuk memilih Khairy.

"Apabila saya meminta Perdana Menteri tidak mengganggu dan kacau... itu istilah Pak Lah, beliau akur dan ini satu penghormatan serta tanggungjawab dan amanah kepada pemimpin muda termasuk saya hingga ke akar umbi.

"Saya cukup berbangga apabila Pemuda Umno diiktiraf sebagai sayap yang berwibawa dan boleh menentukan hala tuju perjuangan kita," katanya apabila diminta menjelaskan kenyataan Abdullah dalam wawancara khas "Bersemuka Bersama Perdana Menteri" yang disiarkan menerusi TV3, Isnin lalu.

Hishammuddin juga berkata, beliau dan Khairy sependapat Pemuda Umno harus menumpukan agenda lebih besar, seperti soal kekejaman dilakukan Israel terhadap rakyat Lubnan dan Palestin.

Mengenai kritikan berterusan Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap kepemimpinan sekarang, Hishammuddin berkata, ia bukanlah satu ancaman untuk parti.

Beliau berkata, kritikan bekas Perdana Menteri adalah berhubung dasar serta projek kerajaan dan ia tidak akan membawa perpecahan dalam parti.

"Saya berpegang kepada prinsip bahawa parti adalah lebih penting dan melebihi individu.

"Parti ada proses penapisan pemimpinnya dan selepas kita menabalkan seseorang itu menjadi pemimpin janganlah memperlekehkannya kerana ia menjejaskan kredibiliti parti," katanya.